

**SISTEM NILAI DAN MOTIVASI PENCAPAIAN KOMUNITI MELAYU  
MISKIN DAN TIDAK MISKIN  
(VALUE SYSTEM AND ACHIEVEMENT MOTIVATION OF POOR AND NON-POOR  
MALAY COMMUNITY)**

*AZLINA MOHD KHIR & IRAN HERMAN*

*ABSTRAK*

Kertas ini melaporkan sebahagian daripada kajian untuk mengenal pasti sistem nilai dan motivasi pencapaian dalam kalangan komuniti Melayu dan membandingkannya dalam dua komuniti yang berbeza status pendapatan. Kajian ini cuba menguji sama ada pendapatan mempunyai kaitan dengan sistem nilai dan motivasi pencapaian yang menjadi sebahagian daripada budaya komuniti yang dikaji. Seramai 409 orang miskin dan 196 tidak miskin dipilih menggunakan kaedah *purposive* di Daerah Hulu Langat, Selangor. Golongan miskin adalah penerima zakat daripada Lembaga Zakat Selangor. Survei Nilai Rokeach (SNR) digunakan untuk mengukur sistem nilai, manakala Skala Pencapaian Smith (SPS) digunakan untuk mengukur motivasi pencapaian. SNR mempunyai nilai pekali ketekalana dalaman 0.89 dan SPS 0.31. Empat kategori nilai menjadi fokus kajian iaitu nilai terminal individualistik, nilai terminal kolektivistik, nilai instrumental individualistik dan nilai instrumental kolektivistik. Dapatan kajian menunjukkan nilai yang paling dominan ialah nilai instrumental kolektivistik bagi kedua-dua komuniti Melayu miskin dan tidak miskin. Kajian juga mendapati perbezaan signifikan bagi kesemua kategori sistem nilai antara komuniti Melayu miskin dan tidak miskin ( $t = 2.40$  hingga  $4.33$ ;  $p < 0.05$ ). Namun demikian, motivasi pencapaian antara komuniti Melayu miskin dan tidak miskin tidak berbeza secara signifikan ( $t = 0.24$ ;  $p > 0.05$ ). Kesimpulannya yang dapat dibuat ialah sistem nilai komuniti Melayu miskin dan tidak miskin mempunyai kaitan rapat dengan status pendapatan mereka.

*Kata kunci:* sistem nilai; motivasi pencapaian; komuniti Melayu.

*ABSTRACT*

This paper reports some findings from study done in identifying the value system and achievement motivation among the Malay community; and comparing them between two communities of different income level. This research intends to test whether value system and achievement motivation are part of the culture of the community. 409 of poor people and 196 of non-poor are chosen by utilising the purposive method within the District of Hulu Langat, Selangor. Those in the poor group are *zakat* (tithe) receivers from the Selangor Zakat (Tithe) Board. The Rokeach Value Survey (RVS) is used in measuring the value system, while the Smith Performance Scale (SPS) is employed in measuring the achievement motivation. The SNR recorded an internal resilient coefficient value of 0.89 and SPS of 0.31. Four categories of value are being focused on in this study, namely the individualistic terminal value, collectivistic terminal value, individualistic instrumental value and collectivistic instrumental value. Result of study shows that the most dominant value is the collectivistic instrumental value for both groups. Study also finds significant difference for all value system categories between the poor and non-poor Malay communities ( $t=2.40$  to  $4.33$ ;  $p < 0.05$ ). Nonetheless, the achievement motivation between the poor and non-poor Malay communities has no significant difference ( $t = 0.24$ ;  $p > 0.05$ ). In conclusion, the value system of the poor and non-poor Malay communities is closely linked to their income status.

*Keywords:* value system, achievement motivation, Malay community.

## 1. Pengenalan

Masalah kemiskinan adalah satu fenomena yang belum selesai dan sering dibincangkan dalam usaha mencapai pembangunan. Walaupun Negara telah mencapai prestasi pertumbuhan yang membanggakan dan berada pada titik pertengahan dalam perjalanan menuju tahun 2020, masalah ini masih berterusan. Malah usaha pembasmian kemiskinan menjadi salah satu teras utama dalam misi negara.

Kadar kemiskinan mencatat pengurangan mengikut semua kumpulan etnik (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006). Walaupun dalam kalangan Bumiputera berkurangan daripada 12.4 peratus tahun 1999 kepada 8.3 peratus pada tahun 2004, namun ia kekal sebagai berbanding dengan etnik lain. Jurang kemiskinan isi rumah Bumiputera juga terbesar pada 2.1 peratus berbanding dengan 0.1 peratus bagi Cina dan 0.6 peratus bagi India. Ini menunjukkan etnik Bumiputera termasuk kaum Melayu masih lemah dalam beberapa aspek pembangunan modal insan sebagai salah satu usaha untuk keluar dari kancas kemiskinan.

Menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan terus mendokong matlamat untuk mengurangkan kadar kemiskinan daripada 5.7 peratus pada tahun 2004 kepada 2.8 peratus menjelang tahun 2010. Usaha tersebut akan dapat direalisasikan sekiranya pembangunan negara dilakukan seiring dengan pembangunan modal insan yang mampu membawa perubahan kaum Melayu. Mereka perlu mempunyai pra syarat psikologi dan yang paling utama ialah nilai positif dan motivasi pencapaian yang tinggi untuk mampu menggerakkan sikap dan tingkah laku positif bagi membentuk jati diri yang berdaya saing dan membawa keluar daripada masalah kemiskinan.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sistem nilai dan motivasi pencapaian komuniti Melayu dan membandingkannya dalam dua kelompok yang berbeza status pendapatan. Sekiranya sistem nilai komuniti miskin dan tidak miskin berbeza, maka ia dikatakan menjadi sebahagian daripada budaya komuniti dan mempunyai kaitan rapat dengan pendapatan yang menyumbang kepada kemiskinan mereka.

### 1. Definisi Nilai

Nilai diberikan definisi berbagai se awal 1962 oleh Super (1962) sebagai keperluan. Rokeach (1973) menyatakan nilai sebagai kepercayaan, manakala Schwartz dan Bilsky (1987) menyatakan sebagai matlamat. Fishbein dan Aizen (1975) mengatakan sebagai sikap dan Emine (2007) menyatakan sebagai penjelasan perasaan ke atas apa yang baik dan buruk; betul dan salah dan dapat disesuaikan ke dalam semua fasa kehidupan individu serta mempunyai impak ke atas keputusan yang dibuat dalam kehidupan.

Kajian ini menggunakan definisi yang diutarakan oleh Rokeach (1973) dengan mengambil kira bahawa kepercayaan itu stabil dan menjadi asas kepada keseluruhan sistem kepercayaan individu. Individu dapat menyusun nilai terhadap sesuatu tingkah laku, objek atau situasi mengikut keutamaan tertentu. Akhirnya, Rokeach telah mengklasifikasikan nilai kepada nilai terminal dan nilai instrumental. Nilai terminal adalah nilai yang mengandungi objektif dan matlamat jangka panjang. Perkembangan individu yang sihat dalam kehidupan berkeluarga adalah nilai terminal dalam pengurusan rumah tangga

Nilai terminal pula ada yang berorientasikan personal dan sosial seperti dunia yang aman, keselamatan keluarga, persahabatan sejati dan kebebasan. Nilai instrumental pula adalah instrumen atau gaya tingkah laku untuk mencapai matlamat dan ada dua jenis iaitu nilai moral dan nilai kemampuan. Contoh kepada instrumental ialah seperti perasaan kasih sayang, jujur, bertanggung jawab, logikal dan intelektual. Kedua-dua nilai terminal dan instrumental berkait rapat serta tersusun dalam suatu kontinum kepentingan yang akhirnya

dapat menunjukkan yang mana satu daripada nilai tersebut menjadi kepentingan individu dalam menjalani kehidupan (Asmah & Iran. 1989).

Selain daripada nilai terminal dan instrumental, nilai dikategorikan kepada nilai individualistik dan nilai kolektivistik (Wojciszke 1997). Perbezaan antara keduanya wujud pada peringkat individu (Schwartz & Sagiv 1995), terutamanya pada peringkat keseluruhan masyarakat Hofstede & Bond 1984), meskipun kedua-dua peringkat tersebut berhubung antara satu sama lain (Triandis 1994). Schwartz dan Bilsky (1987) menyifatkan nilai individualistik dan kolektivistik sebagai matlamat sama ada untuk kepentingan diri atau masyarakat.

### **1.1. Definisi Motivasi Pencapaian**

Motivasi pencapaian berasaskan kejayaan yang mampu dikecapi dan pencapaian keseluruhan aspirasi dalam kehidupan. Matlamat pencapaian boleh memberi kesan kepada cara seseorang menyampaikan sesuatu tugas dan mewakili satu hasrat untuk menonjolkan kecekapan (Harackiewicz *et al.* 1997). Motivasi pencapaian didefinisikan sebagai kehendak untuk berjaya atau pencapaian kepada kecemerlangan. Individu-individu akan memenuhi kehendak melalui makna yang berbeza dan desakan untuk berjaya bergantung kepada dalam atau luaran (Rabideau, 2005).

Pengkaji terawal seperti Atkinson (1966) memberikan definisi motivasi pencapaian sebagai kemampuan untuk merasa bangga dalam melakukan kesempurnaan. McClelland (1976) mendefinisikan motivasi pencapaian sebagai satu keinginan untuk mencapai kejayaan yang unggul dalam sesuatu persaingan. Motivasi pencapaian yang tinggi boleh dilihat daripada usaha untuk mencapai tahap keunggulan, keinginan membuat penyempurnaan yang unik dan penglibatan pembentukan matlamat dalam jangka panjang. Individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi dikatakan (1) suka membuat pekerjaan ke arah pencapaian dan bersungguh-sungguh; (2) suka mengambil risiko yang sederhana; (3) bertanggung jawab untuk mencapai kejayaan; (4) mendapatkan maklum balas pencapaian hasil ; (5) mementingkan masa hadapan; dan (6) tabah serta yakin apabila menerima kegagalan.

## **2. Liputan Kajian Masa Lalu**

Individu pertama yang mengkaji nilai dalam terma sosial dan psikologikal serta melihat perkaitan antara nilai dengan sikap dan tingkah laku ialah Milton Rokeach (1973). Rokeach telah membina inventori nilai dan memberi penekanan bahawa setiap nilai itu berasaskan kepada satu kepercayaan. Perbezaan nilai yang ditentukan sebagai terminal dan instrumental diuji dalam terma gender, pendidikan, bangsa, agama, politik dan status pendapatan. Penentu penting sesuatu nilai adalah berdasarkan pengalaman budaya dan sub budaya (Emine, 2007).

Nilai ke atas sikap dan tingkah laku menunjukkan kesan yang kukuh dan stabil (Akiba 1999). Perubahan dalam prioriti nilai adalah peramal perubahan dalam sikap dan tingkah laku (Homer & Kahle 1988). Salah satu cara untuk memahami perbezaan sikap, kepercayaan dan tingkah laku individu atau kumpulan ialah dengan mengenal pasti perbezaan nilai yang dipegang oleh individu. Cara ini digunakan dalam pelbagai kumpulan sosial termasuk penghisap dadah dan bukan penghisap dadah (Mabry & Khavari 1986), pelajar remaja Amerika dan Malaysia (Asmah & Iran 1989), ahli politik liberal dan konservatif (Hoge & Hoge 1992; Hurwitz & Peffley 1992), generasi muda dan tua (Sikula & Costa 1994), pelajar kolej Jepun dan Amerika (Akiba & Klug 1999) dan generasi muda lelaki dan perempuan (Emine 2007). Kini mengkaji berminat mengukur perbezaan nilai secara silang budaya.

Kajian terawal yang menggunakan nilai sebagai indikator sosial bagi kemiskinan dan hubungan bangsa di Amerika ialah Rokeach dan Parker (1970). Daripada 36 nilai yang terkandung dalam instrumen survei nilai, mereka mendapati nilai bersih mampu membezakan kelompok miskin dengan kelompok kaya. Kepentingan nilai ini semakin berkurangan apabila pendapatan meningkat.

Nilai kehidupan yang selesa lebih cenderung diletakkan pada pemeringkatan yang lebih tinggi bagi kelompok miskin berbanding kelompok kaya kerana mereka kurang menikmati kehidupan yang selesa (Rokeach & Parker 1970). Kelompok kaya pula meletakkan nilai ini pada tahap yang rendah kerana mereka telah memilikinya. Dapatan kajian ini merumuskan bahawa sistem nilai yang berbeza berhubungan dengan status yang berbeza (Rokeach, 1970).

Feather (1975) mendapati nilai bersih mempunyai kepentingan yang lebih tinggi bagi kelompok berpendapatan rendah berbanding kelompok berpendapatan tinggi. Kelompok berpendapatan tinggi pula meletakkan perasaan pencapaian, kasih yang matang dan logikal.

Bagi motivasi pencapaian, orang yang tinggi motivasi pencapaian mempunyai ciri-ciri yang berlainan dengan individu yang rendah motivasi pencapaiannya. Mereka lebih tekun bekerja, tabah hati, mendapatkan bantuan dari orang yang lebih pakar, mengambil risiko yang sederhana, berminat mendapatkan maklum balas hasil daripada kerja yang telah dilakukan, bertanggungjawab dan lain-lain. Orang yang mempunyai rendah motivasi pencapaian mempunyai ciri-ciri bertentangan daripada ciri-ciri di atas iaitu mereka tidak sensitif kepada perubahan, lebih suka kepada keadaan yang tidak mendatangkan risiko kepada dirinya, suka mengambil nasihat orang yang sama taraf dengannya, tidak bertanggungjawab dan lain-lain (McClelland 1961; Udai Preek, 1970; Atkinson, 1983).

Mengikut McClelland (1965) orang-orang di negara miskin tidak mempunyai motivasi dan sikap positif terhadap pembangunan. Mereka selalu berserah kepada nasib apabila menghadapi masalah, mempunyai motivasi pencapaian yang rendah dan tidak mempunyai ciri-ciri keusahawanan. Masyarakat yang menggalakkan tingkah laku keusahawanan dan persaingan dalam kalangan anggota seperti di Barat adalah lebih maju dari masyarakat yang hanya menggunakan pendekatan tradisional terhadap persoalan ekonomi. Kajian menunjukkan individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi akan bergerak ke hadapan lebih cepat ke arah pencapaian matlamat berbanding dengan individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang rendah. Keadaan ini membuktikan bahawa motivasi pencapaian sangat berperanan dalam pembangunan sesebuah negara. Sekiranya semua faktor ekonomi untuk kejayaan ekonomi dimiliki, negara yang mempunyai penduduk yang tinggi motivasi pencapaian akan lebih maju.

Ishak (1995) melihat kewujudan budaya kemiskinan disebabkan oleh motivasi dan telah menjadi suatu gaya hidup untuk mencapai matlamat. Beliau telah mengukur budaya kemiskinan dalam tiga bentuk motivasi iaitu rendah keinginan pencapaian, rendah keinginan pengembangan dan keinginan pergantungan yang tinggi.

Terdapat kajian yang membuktikan bahawa orang miskin tidak lah mempunyai etika kerja atau tahap motivasi yang rendah berbanding orang kaya (Iversen & Farber, 1996; Wilson, 1997). Stereotaip yang selalu menyatakan orang miskin malas dan mempunyai motivasi yang rendah berbanding orang kaya adalah satu mitos semata-mata (Gorski 2008).

### 3. Metod Kajian

#### 4.1 Responden Kajian

Sebanyak 409 orang ketua rumah Melayu miskin yang menerima zakat daripada Lembaga Zakat Selangor dan 196 orang tidak miskin di Daerah Hulu Langat, Selangor menjadi responden kajian ini. Responden tidak miskin yang bukan asnaf fakir dan miskin dijadikan kumpulan kawalan, manakala Melayu miskin sebagai kumpulan eksperimen. Min pendapatan responden Melayu miskin ialah RM455.37, manakala responden tidak miskin ialah RM4466.54. Tahap pendidikan dalam kalangan responden miskin daripada tidak bersekolah hingga Pelajaran menengah (SPM), manakala responden tidak miskin hingga pada peringkat tertier.

#### 4.2 Alat Ukuran

##### 4.2.1 Survei Nilai Rokeach

Sistem nilai diukur menggunakan Survei Nilai Rokeach (SNR) yang dibina oleh Rokeach (1967) dan mampu nilai terminal dan instrumental. Ukuran ini mengandungi 18 kenyataan dengan satu atau beberapa perkataan bagi menerangkan kedua-dua set nilai bagi mewakili setiap set nilai. Asmah dan Iran (1989) telah membuktikan indeks psikometrik ukuran ini sebagai memuaskan dan kebolehpercayaan ujian kembali 0.74 bagi nilai terminal dan 0.65 bagi nilai instrumental (Rankin & Grude 1980). Terjemahkan kepada Bahasa Melayu menggunakan kaedah terjemah berulang yang dicadangkan oleh Rich, Lev dan Fischer (1996) kerana ia bersesuaian dengan majoriti responden yang berpendidikan rendah.

Pemarkatan ukuran ini berdasarkan skala tiga pilihan daripada tidak penting (0), penting (1) dan sangat penting (2). Jumlah skor bagi 18 item nilai terminal mahu pun instrumental ialah antara 0 hingga 36. Kajian ini juga membahagikan sistem nilai kepada nilai individualistik dan kolektivistik. Jadual 1 memaparkan bilangan item dan julat skor bagi nilai terminal individualistik, nilai terminal kolektivistik, nilai instrumental individualistik dan nilai instrumental kolektivistik. Min pemberat akan digunakan kerana jumlah item dalam setiap dimensi sistem nilai ini tidak sama.

Jadual 1: Bilangan Item dan Julat Skor Sistem Nilai

Sistem Nilai	Bilangan Item	Julat Skor
Nilai Terminal Individualistik	11	0-22
Nilai Terminal Kolektivistik	7	0-14
Nilai Instrumental Individualistik	8	0-16
Nilai Instrumental Kolektivistik	10	0-20

##### 4.2.2 Skala Pencapaian Smith

Skala Pencapaian Smith (SPS) dikenali sebagai *Need Achievement Scale* (N Ach) telah diperkenalkan oleh Smith (1973) dan digunakan untuk mengukur motivasi pencapaian. Kebolehpercayaan menggunakan metod bahagi dua ukuran ini dilaporkan sebagai sederhana dengan nilai pekali 0.56 (Smith, 1973). Alat ukuran ini mengandungi 17 kenyataan mengandungi skala motivasi pencapaian dan skala lalai. Skor motivasi pencapaian ditentukan

dengan sepuluh kenyataan dan skala lalai mempunyai ada tujuh kenyataan. Skala lalai bertujuan untuk menguji kecermatan subjek ketika menjawab dan subjek yang menjawab lebih daripada dua kesalahan akan dikeluarkan daripada kajian. Kajian ini menggunakan sembilan kenyataan. Pemarkatan bagi SPS skor 1 dan 2 dengan jumlah skor antara 9 hingga 18.

#### 4. Hasil Kajian dan Perbincangan

##### 5.1 Sistem Nilai Komuniti Melayu Miskin dan Tidak Miskin

Pemeringkatan min nilai terminal dan instrumental digunakan bagi menerangkan nilai yang menjadi prioriti dan dianggap penting dalam memandu tingkah laku kehidupan seharian komuniti Melayu miskin dan tidak miskin, Min yang tinggi menunjukkan nilai yang lebih penting, manakala min yang paling rendah menunjukkan nilai yang kurang penting. Keputusan yang dipaparkan dalam Jadual 2 menunjukkan komuniti miskin meletakkan nilai penghormatan diri sebagai nilai yang paling utama dengan min 1.72 diikuti dengan keselamatan keluarga (1.69), kasih yang matang (1.68), dunia yang indah (1.64) dan dunia yang aman (1.61). Perasaan pencapaian diletakkan sebagai nilai yang paling bawah dengan min 1.43.

Bagi komuniti Melayu tidak miskin pula (Jadual 3), mereka meletakkan kepentingan nilai seperti mana komuniti Melayu miskin iaitu nilai penghormatan diri paling utama dengan min 1.86 (Jadual 3), diikuti dengan kasih yang matang (1.82), keselamatan keluarga (1.81), dunia yang indah (1.78) dan dunia yang aman (1.74). Nilai yang dianggap kurang penting ialah keseronokan (1.47).

Jadual 2: Nilai Terminal Komuniti Melayu Miskin

Nilai Terminal	Min	S.P	K
Penghormatan diri (penghargaan sendiri)	1.72	0.49	1
Keselamatan Keluarga (mengambil berat terhadap orang yang disayangi)	1.69	0.52	2
Kasih yang matang (seksual dan keintiman rohani)	1.68	0.52	3
Dunia yang indah (keindahan alam semulajadi & kesenian)	1.64	0.52	4
Dunia yang aman (bebas daripada peperangan & konflik)	1.61	0.56	5
Kebebasan (kemerdekaan, bebas membuat pilihan)	1.59	0.58	6
Kesamarataan (persaudaraan, peluang samarata untuk semua)	1.58	0.58	7
Persahabatan sejati (persahabatan yang karib)	1.57	0.60	8
Kebahagiaan/kegembiraan (kepuasan hati)	1.56	0.60	9
Pengiktirafan sosial (dihormati, dikagumi)	1.53	0.61	10=
Kehidupan yang merangsangkan (kehidupan yang aktif & merangsangkan)	1.53	0.58	10=
Keseronokan (kehidupan yang menggembirakan dan senang)	1.53	0.60	10=
Keselamatan kebangsaan (dilindungi daripada serangan)	1.52	0.62	13=
Kehidupan yang selesa (kehidupan yang mewah)	1.52	0.59	13=
Keselamatan melalui kepercayaan kepada Tuhan	1.50	0.64	15
Keharmonian/ keseimbangan dalaman (bebas daripada konflik dalaman)	1.47	0.61	16
Kebijaksanaan (kefahaman hidup yang matang)	1.44	0.64	17
Perasaan pencapaian (sumbangan berpanjangan)	1.43	0.66	18

S.P : Sisihan piawai; n = 409; K = Kedudukan

Sumber: Data Lapangan 2008

Jadual 3: Pemingkatan Nilai Terminal bagi Komuniti Melayu Tidak Miskin

Nilai	Min	S.P.	K
Penghormatan diri (penghargaan sendiri)	1.86	0.37	1
Kasih yang matang (seksual dan keintiman rohani)	1.82	0.40	2
Keselamatan Keluarga (mengambil berat terhadap orang yang disayangi)	1.81	0.39	3
Dunia yang indah (keindahan alam semulajadi dan kesenian)	1.78	0.41	4
Dunia yang aman (bebas daripada peperangan dan konflik)	1.74	0.48	5
Pengiktirafan sosial (dihormati, dikagumi)	1.73	0.44	6
Kehidupan yang merangsangkan (kehidupan yang aktif dan merangsangkan)	1.72	0.46	7=
Persahabatan sejati (persahabatan yang karib)	1.72	0.47	7=
Kebahagiaan/ Kegembiraan (kepuasan hati)	1.70	0.47	9
Keharmonian/ Keseimbangan dalaman (bebas daripada konflik dalaman)	1.69	0.51	10
Kesamarataan (persaudaraan, peluang samarata untuk semua)	1.67	0.50	11
Kebebasan (kemerdekaan, bebas membuat pilihan)	1.64	0.51	12
Kebijaksanaan (kefahaman hidup yang matang)	1.63	0.53	13=
Keselamatan kebangsaan (dilindungi daripada serangan)	1.63	0.57	13=
Kehidupan yang selesa (kehidupan yang mewah)	1.58	0.59	15
Keselamatan melalui kepercayaan kepada Tuhan	1.54	0.64	16
Perasaan pencapaian (sumbangan berpanjangan)	1.52	0.63	17
Keseronokan (kehidupan yang menggembirakan dan senang)	1.47	0.72	18

S.P : Sisihan piawai; n = 196; K = Kedudukan

Sumber: Data Lapangan 2008

Tiga nilai kedudukan teratas yang dipaparkan dalam Jadual 2 dan 3, menunjukkan kedua-dua komuniti meletakkan nilai yang sama iaitu penghormatan diri, kasih yang matang dan keselamatan keluarga. Nilai tersebut sebahagian daripada lima keperluan yang akan dipenuhi oleh setiap individu seperti yang digambarkan dalam hirarki keperluan Maslow. Setelah keperluan fisiologi tercapai, manusia akan bergerak kepada keperluan keselamatan, diikuti oleh keperluan kasih sayang, penghargaan sendiri dan kesempurnaan sendiri (Reeve, 2005). Kedua-dua komuniti meletakkan keperluan asas sebagai keutamaan dalam kehidupan mereka. Walaupun komuniti miskin mempunyai status pendapatan yang rendah dan hidup dalam serba kekurangan, mereka tetap mementingkan penghormatan diri sebagaimana komuniti tidak miskin. Mereka juga mahu berkuasa sekurang-kurangnya ke atas diri sendiri. Komuniti miskin juga mementingkan nilai kasih sayang yang sangat diperlukan oleh setiap individu tidak kira miskin atau pun kaya. Kerana ia adalah fitrah, manusia tidak boleh hidup bersendirian dan memerlukan hubungan dengan insan lain. Nilai kasih sayang sesama keluarga menjadi begitu penting dan perlu dipenuhi dalam meneruskan kelangsungan hidup yang lebih sejahtera. Kedua-dua komuniti juga amat mementingkan keselamatan keluarga kerana keluarga yang bebas daripada ancaman luar mahu pun dalam menjamin kesejahteraan institusi kekeluargaan.

Meskipun tiga nilai yang mempunyai kedudukan tiga teratas bagi kedua-dua komuniti, namun minnya lebih tinggi dalam komuniti Melayu tidak miskin berbanding komuniti miskin. Ini menggambarkan komuniti tidak miskin memberikan lebih kepentingan kepada nilai tersebut jika dibandingkan dengan komuniti miskin.

### 5.1.2 Nilai Instrumental

Jadual 4 dan 5 memaparkan pemingkatan min nilai instrumental bagi komuniti Melayu miskin dan tidak miskin. Data menunjukkan komuniti Melayu miskin meletakkan nilai

bertanggungjawab sebagai nilai yang paling penting dengan min 1.74, diikuti dengan patuh (1.72), bersifat memaafkan (1.71), bersopan santun (1.70) dan berperasaan kasih sayang (1.70). Nilai yang diletakkan pada kedudukan terbawah bagi bagi komuniti Melayu miskin ialah intelektual (1.21).

Bagi komuniti Melayu tidak miskin, mereka juga meletakkan nilai bertanggungjawab (1.82) pada kedudukan teratas sebagai nilai yang paling utama (Jadual 5). Seterusnya diikuti dengan nilai jujur (1.81), patuh (1.79), penyayang (1.78) dan sopan santun (1.78). Nilai yang diletakkan pada kedudukan terbawah bagi komuniti Melayu tidak miskin ialah imaginatif (1.36).

Lima nilai instrumental pada kedudukan teratas bagi komuniti Melayu miskin dan tidak miskin ialah mementingkan nilai moral. Nilai ini berasaskan hubungan interpersonal dan melibatkan cara untuk bertingkah laku secara sopan dan mempunyai perasaan bertanggungjawab terhadap individu lain (Rokeach, 1973). Nilai-nilai seperti patuh, memaafkan, penyayang dan suka menolong turut tergolong dalam nilai moral.

Keputusan juga menunjukkan kebanyakan min nilai instrumental komuniti Melayu tidak miskin lebih tinggi berbanding komuniti miskin. Ini bermakna komuniti tidak miskin meletakkan kepentingan yang lebih tinggi berbanding komuniti miskin.

Nilai instrumental penting dalam menggerakkan tingkah laku untuk merealisasikan matlamat yang hendak dicapai. Nilai kemampuan (*competence value*) contohnya, lebih menumpu kepada nilai diri dan menunjukkan cara bertingkah laku secara logik dan intelektual. Nilai kemampuan penting bagi mencapai kejayaan dan mengubah sikap dalam usaha memajukan diri.

Jadual 4: Nilai Instrumental Komuniti Melayu Miskin

Nilai Instrumental	Min	S.P	K
Bertanggungjawab (boleh diharap, dipercayai)	1.74	0.45	1
Patuh (menjalankan kewajipan dengan baik dan penuh hormat)	1.72	0.47	2
Bersifat memaafkan (bersedia memaafkan orang lain)	1.71	0.48	3
Bersopan santun (halus budi bahasa, berbudi pekerti)	1.70	0.48	4=
Berperasaan kasih sayang (penuh kasih sayang, lemah lembut)	1.70	0.50	4=
Suka menolong (bekerja untuk kebajikan orang lain)	1.67	0.52	6
Kawalan diri (tidak ikut perasaan, bertatertib, disiplin diri)	1.65	0.51	7=
Jujur (ikhlas, benar)	1.65	0.53	7=
Bersih (kemas, rapi)	1.58	0.56	9
Gembira (bersenang hati, kegirangan)	1.52	0.57	10=
Berfikiran luas (berfikiran terbuka)	1.52	0.57	10=
Berani (sedia membela kepercayaan diri)	1.52	0.58	10=
Berdikari (kepercayaan kepada diri sendiri)	1.44	0.64	13
Berupaya (berkebolehan/ cekap, berkesan)	1.36	0.66	14
Bercita-cita tinggi (bekerja kuat, berhasrat tinggi)	1.34	0.63	15
Logikal (konsisten, rasional)	1.32	0.66	16
Imaginatif (berani, kreatif)	1.30	0.68	17
Intelektual (cerdas, berfikir)	1.21	0.68	18

S.P : Sisihan piawai; N = 409; K = Kedudukan

Sumber: Data Lapangan 2008

Jadual 5: Pemingkatan Nilai Instrumental bagi Komuniti Melayu Tidak Miskin

Nilai	Min	S.P.	K
Bertanggungjawab (boleh diharap, dipercayai)	1.82	0.41	1
Jujur (ikhlas, benar)	1.81	0.39	2
Patuh (menjalankan kewajipan dengan baik dan penuh hormat)	1.79	0.41	3
Berperasaan kasih sayang (penuh kasih sayang, lemah lembut)	1.78	0.44	4 =
Bersopan santun (halus budi bahasa, berbudi pekerti)	1.78	0.43	4 =
Suka menolong (bekerja untuk kebajikan orang lain)	1.70	0.46	6 =
Kawalan diri (tidak ikut perasaan, bertatertib, disiplin diri)	1.70	0.50	6 =
Bersih (kemas, rapi)	1.69	0.49	8
Bercita-cita tinggi (bekerja kuat, berhasrat tinggi)	1.67	0.51	9
Gembira (bersenang hati, kegirangan)	1.63	0.50	10 =
Bersifat memaafkan (bersedia memaafkan orang lain)	1.63	0.53	10 =
Berfikiran luas (berfikiran terbuka)	1.62	0.51	12
Berani (sedia membela kepercayaan diri)	1.55	0.59	13 =
Berdikari (kepercayaan kepada diri sendiri)	1.55	0.60	13 =
Berupaya (berkebolehan/ cekap, berkesan)	1.48	0.58	15
Logikal (konsisten, rasional)	1.44	0.64	16
Intelaktual (cerdas, berfikir)	1.42	0.60	17
Imaginatif berani, kreatif)	1.36	0.65	18

S.P : Sisihan piawai; n = 196; K = Kedudukan

Sumber: Data Lapangan 2008

### 5.1.3 Nilai Individualistik dan Kolektivistik

Nilai terminal dan instrumental yang dibincangkan sebelum ini mengandungi nilai individualistik dan kolektivistik. Kajian ini seterusnya cuba menguji perbezaan empat sistem nilai komuniti ini dan keputusannya dipaparkan dalam Jadual 6. Min pemberat digunakan.

Jadual 6: Sistem Nilai Komuniti Melayu Miskin dan Tidak Miskin

Sistem Nilai	Miskin n = 409		Tidak Miskin n = 196		t
	Min Pemberat	Sisihan Piawai	Min Pemberat	Sisihan Piawai	
Nilai Terminal Individualistik	1.54	0.35	1.67	0.32	4.33*
Nilai Terminal Kolektivistik	1.59	0.37	1.71	0.30	4.06*
Nilai Instrumental Individualistik	1.38	0.41	1.51	0.41	3.86*
Nilai Instrumental Kolektivistik	1.66	0.35	1.73	0.32	2.40*

\* $p < 0.05$  (dk = 603)

Sumber: Data Lapangan 2008

Min pemberat yang paling tinggi secara relatifnya ialah nilai instrumental kolektivistik (1.73) dalam kalangan komuniti tidak miskin, diikuti dengan nilai terminal kolektivistik (1.71) dan nilai terminal individualistik juga dalam komuniti tidak miskin. Secara perbandingan min sistem nilai komuniti Melayu tidak miskin lebih tinggi berbanding komuniti miskin data secara signifikan ( $t = 2.40$  hingga  $t = 4.33$ ,  $p < 0.05$ ).

## 5.2 Motivasi Pencapaian Komuniti Melayu Miskin dan Tidak Miskin

Motivasi mampu mamapu memberi kesan kepada kehidupan individu. Tingkah laku, tindakan, pemikiran dan kepercayaan seseorang dipengaruhi oleh desakan dalaman untuk berjaya (Rabideau 2005). McClelland (1961) menyatakan bahawa orang miskin secara relatifnya lebih rendah motivasi pencapaian berbanding individu kelas pertengahan. Ciri-ciri individu yang rendah motivasi pencapaiannya tidak mempunyai cita-cita yang tinggi, tidak rela menanggung kepuasan dan tidak menghiraukan masa depan.

Kajian ini cuba menguji tahap motivasi pencapaian komuniti Melayu miskin dan tidak miskin. Data dalam Jadual 7. Min motivasi pencapaian komuniti Melayu miskin dan tidak miskin tidak berbeza secara signifikan ( $t = 1.09, p > 0.05$ ). Keputusan ini menunjukkan teori McClelland (1961) tidak mampu menerangkan hubung kait kemiskinan dengan tahap motivasi pencapaian.

Jadual 7: Perbezaan Motivasi Pencapaian dalam kalangan Komuniti Melayu Miskin dan Tidak Miskin

Faktor	Miskin n = 409		Tidak Miskin n = 196		t
	min	s.p	min	s.p	
Motivasi Pencapaian	14.33	1.66	14.17	1.73	1.09

Sumber: Data Lapangan 2008

## 5. Rumusan

Nilai positif berperanan menggerakkan sikap dan tingkah laku kedua-dua komuniti Melayu miskin dan tidak miskin yang dikaji dan mereka meletakkan nilai terminal paling utama kepada nilai penghormatan diri diikuti dengan kasih yang matang dan keselamatan keluarga. Bagi nilai instrumental sebagai gaya tingkah laku untuk mencapai matlamat, mereka meletakkan nilai moral seperti bertanggungjawab, jujur, patuh, bersifat memaafkan, berperasaan kasih sayang dan bersopan santun sebagai keutamaan. Nilai-nilai yang mengarah kepada nilai kemampuan seperti intelektual, logikal dan berupaya dalam komuniti Melayu miskin lebih rendah berbanding tidak miskin.

Nilai yang paling dominan bagi kedua-dua komuniti yang dikaji ialah nilai instrumental kolektivistik berbanding individualistik. Keadaan ini mungkin disebabkan dua komuniti yang dikaji terdiri daripada rumpun bangsa yang sama dan terkenal dengan adat resam masyarakat Timur yang lebih cenderung kepada nilai-nilai yang kesaling bergantung dan ikatan sosial yang lebih kukuh dalam masyarakat.

Data kajian juga menunjukkan sistem nilai komuniti Melayu tidak miskin meletakkan kepentingan yang lebih tinggi dalam semua sistem nilai berbanding komuniti miskin. Keadaan ini menggambarkan bahawa semakin tinggi kedudukan dan kepentingan nilai yang dipegang ia menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan status sosialnya. Sebaliknya, semakin rendah kedudukan nilai yang menjadi kepentingan dalam memandu kehidupan, semakin menurun pendapatan dan status sosialnya.

Dalam aspek motivasi pencapaian, komuniti Melayu miskin dan tidak miskin tidak berbeza secara signifikan. Keputusan ini memperlihatkan teori McClelland (1961) tidak mampu menerangkan hubung kait antara kemiskinan orang Melayu dengan motivasi pencapaian.

Oleh kerana kurangnya nilai positif dalam memandu kehidupan seseorang ia boleh mengundang kepada pelbagai masalah seperti kemiskinan. Justeru itu dalam usaha membasmi kemiskinan, pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Lembaga Zakat, Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) disarankan agar melihat masalah kemiskinan dari akar umbi. Bantuan material yang diberikan tanpa mengambil kira gagasan psikologi golongan miskin sukar untuk membawa keluar mereka daripada putaran kemiskinan. Pihak bertanggungjawab diharapkan memahami aspek psikologi seperti nilai, sikap, tingkah laku dan motivasi. Penghayatan kepada nilai-nilai positif seperti berdikari, bercita-cita tinggi dan berintelektual diharapkan dapat membantu komuniti miskin keluar daripada belenggu kemiskinan dan seterusnya mencapai kejayaan dalam kehidupan mereka.

#### Penghargaan

*Kajian ini adalah sebahagian daripada tesis Sarjana Falsafah di Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah penyeliaan Prof. Madya Iran Herman sepanjang tahun 2007-2009. Penghargaan tulus ikhlas juga diberikan kepada Allahyarham Prof. Madya Dr. Aminudin Mohd Yusof atas penyeliaan dan sokongan murni yang telah diberikan.*

#### Rujukan

- Akiba, D & Klug, W. 1999. The Different and the Same: Reexamining East and West in a Cross-Cultural Analysis of Values. *Social Behavior and Personality* 27: 467-474.
- Asmah Bee, M.N. & Iran, H. 1989. Perbezaan Sistem Nilai: Kajian Perbandingan di kalangan Pelajar Remaja Amerika dan Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia* 5: 81-92.
- Dictionary of Vocational Psychology. 2002. Atas talian: [http://vocationalpsychology.com/term\\_nAch.htm](http://vocationalpsychology.com/term_nAch.htm)
- Emine, O. 2007. Effect of Gender on the Value Perception of the Young: a Case Analysis. *College Student Journal* 41(4): 859-871.
- Feather, N.T. 1975. Values and Income Level. *Australian Journal of Psychology* 27: 23-29.
- Fishbein, M. & Aizen, A. 1975. *Belief, Attitude, Intention and Behaviour*. MA: Addison-Wesley.
- Gibbins, K. & Walker, I. 1993. Multiple Interpretation of the Rokeach Value Survey. *Journal of Social Psychology* 133(6): 797-805.
- Gorski, P. 2008. The Myth of the "Culture of Poverty". *Educational Leadership*/ April. Atas Talian: [http://sfportal.sfusd.edu/sites/king\\_ms/irf/Lists/Announcements/Attachments/3/Myth\\_of\\_Poverty.pdf](http://sfportal.sfusd.edu/sites/king_ms/irf/Lists/Announcements/Attachments/3/Myth_of_Poverty.pdf) (1 April 2009)
- Harackiewicz, J.M., Barron, K.E., Carter, S.M., Lehto, A.T. & Elliot, A.J. 1997. Predictors and Consequences of Achievement Goals in the College Classroom: Maintaining Interest and Making the Grade. *Journal of Personality and Social Psychology* 73: 1284-1295.
- Hofstede, G. 1980. *Culture's Consequences: International Differences in Work-Related Values*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Hofstede, G. & Bond, M.H. 1984. Hofstede's Cultural Dimensions. *Journal of Cross-Cultural Psychology* 15: 417-433.

- Hoge, D. & Hoge, J. 1992. The Return of the Fifties? Value Trends at the University of Michigan, 1952 to 1989. *Sociological Quarterly* 33: 611-623.
- Homer, P.M. & Kahle, L.R. 1988. A Structural Equation Test of the Value-Attitude-Behaviour Hierarchy. *Journal of Personality and Social Psychology* 54(4): 638-646.
- Hurwitz, J. & Peffley, M. 1992. Traditional Versus Social Values as Antecedents of Racial Stereotyping and Policy Conservatism. *Political Behaviour* 14: 394-421.
- Ishak, M. S. 1995. *Kesan Budaya Kemiskinan kepada Hubungan di antara Tingkahlaku Kepemimpinan Ketua Kampung dengan Mutu Hidup Penduduk Kampung*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Iversen, R. R. & Farber, N. 1996. Transmission of Family Values, Work and Welfare among Poor Urban Black Women. *Work and Occupations* 23(4): 437-460.
- Johnston, C.S. 1995. The Rokeach Value Survey: Underlying Structure and Multidimensional Scaling. *Journal of Psychology* 129(5): 583-597.
- Kilman, R.H. 1981. Toward a Unique/ Useful Concept of Values for Interpersonal Behavior: A Critical Review of the Literature on Value. *Psychological Reports* 48: 939-959.
- Mabry, E. & Khavari, K.A. 1986. Attitude and Personality Correlates of Hallucinogenic Drug Use. *International Journal of Addiction* 21: 691-699.
- Markus, H.R., & Kitayama, S. 1991. Culture and Self: Implications for Cognition, Emotion and Motivation. *Psychological Review* 98: 224-253.
- McClelland, D. 1961. *The Achieving Society*. New York: Free Press.
- McClelland, D. 1976. *The Achieving Society (With A New Introduction)*. New York: Irvington.
- Mohd. Majid, K. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan (Ed.Ke-7)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- National Centre for Children in Poverty. 2004. *Parental Employment In Low-Income Families*. New York: Author.
- Rabideau S.T. 2005. *Effect of Achievement Motivation on Behavior*. Atas Talian: <http://www.personalityresearch.org/papers/rabideau.html> (31 Mac 2009)
- Rancangan Malaysia Kesembilan. 2006. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Rankin, W.L. & Grude, J.W. 1980. A Comparison of American and Vietnamese Value System. *Journal of Social Psychology* 101: 187-204.
- Reeve, J. 2005. *Understanding Motivation and Emotion*. Iowa: John Wiley & Sons, Inc.
- Rich, Y., Lev, S. & Fischer, S. 1996. Extending the concept and assessment of teacher efficacy. *Educational and Psychological Measurement* 56(6):1015-1025.
- Richardson, R.C. & Tolson, H. 2005. A Comparison of Value Rankings for Selected American and Australian Teachers. *Journal of Research in International Education* 4(3): 263-277.
- Rokeach, M. 1967. *Value Survey*. Sunnyvale, Carlifonia: Halgren Press.
- Rokeach, M. 1973. *The Nature of Human Values*. New York: Free Press.
- Rokeach, M. & Parker, S. 1970. Values as Social Indicators of Poverty and Race Relations in America. *The Annals of the American Academy of Political and Social Science* 388: 97-111.
- Schwartz, S.H. & Bilsky, W. 1987. Toward a Universal Psychological Structure of human Values. *Journal of Personality and Social Psychology* 53: 550-562.
- Schwartz, S.H., & Sagiv, L. 1995. Identifying Culture-Specifics in the Content and Structure of Values. *Journal of Cross-Cultural Psychology* 26: 92-116.
- Super, D.E. 1962. The Structure of Work Values in Relation to Status, Achievement, Interest and Adjustment. *Journal of Applied Psychology* 46: 231-239.
- Triandis, H.C. 1989. The Self and Social Behavior in Differing Cultural Contexts. *Psychological Review* 96: 506-520.
- Triandis, H.C. 1994. *Culture and Social Behavior*. New York: McGraw-Hill.
- Udai Preek. 1970. Poverty and Motivation: Figure and Ground. Dlm. V.L. Allen. (1970) *Psychological Factors in Poverty*. New York, San Francisco & London: Academic Press.
- Unit Perancang Ekonomi. 2001. *Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Wan Rafeai, W.A.R. 1993. Ciri-ciri Keusahawanan. Dlm. Abdul Halim Othman (pnyt.). *Psikologi Melayu*, hlm. 159-197. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Weiner, B. 1974. *Cognitive Views of Human Motivation*. New York: Academic Press.
- Wilson, W. J. 1997. *When Work Disappears*. New York: Random House.
- Wojciszke, B. 1997. Parallel Between Competence- Versus Morality- Related Traits and Individualistic Versus Collectivistic Values. *European Journal of Social Psychology* 27: 245-256.